

Berita Manmin

NO. 6 3 JULAI 2022

Gereja Manmin Nairobi di Kenya penuh dengan kebenaran dan rahmat

Gereja Manmin Nairobi (Pastor yang melayani: Pendeta Myongho Cheong) di Kenya telah membantu orang Kristian untk menjalani kehidupan yang penuh berkat dalam Yesus Kristus dengan mengalami karya perubahan dan kesembuhan termasuk mengadakan pelayanan secara aktif ke seluruh 54 buah negara di Afrika. Pada hujung bulan April yang lalu, gereja ini mengadakan pelbagai acara di dalam dan di luar gereja untuk memuliakan Tuhan.

Kuliah Seminari Teologi Antarabangsa Manmin membangkitkan para pastor dan acara gereja tempatan

Pada 9 dan 10 April, kuliah Seminari Teologi Antarabangsa Manmin berlangsung di Kisii, Afrika dan ibadat sambutan ulang tahun ke-12 Gereja Manmin Kisii telah diadakan. Kuliah Seminari Teologi Antarabangsa Manmin (Foto 1 dan 2) yang diadakan pada 9 April telah dihadiri oleh pelajar-pelajar dari wilayah Kisii, termasuklah bishop dan pastor. Selepas memperkenalkan pelayanan Manmin melalui tayangan video, Pendeta Myongho Cheong menyampaikan kesaksian dan ajaran beliau yang bertajuk, 'Roh, Jiwa dan Tubuh' berdasarkan khutbah-khutbah oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee.

Bishop dan pastor yang hadir untuk kali pertamanya pada hari tersebut berkata, 'Saya berasa kesal kerana sebelum ini saya telah berkhotbah tanpa mengetahui Firman Tuhan yang sangat berharga ini,' dan mendaftarkan diri untuk



Seminari Teologi Antarabangsa Manmin serta bergabung dengan Manmin sebagai gereja cawangan.

Pada 10 April, dalam ibadat

sambutan ulang tahun ke-12 Gereja Manmin Kisii (Foto 3 dan 4), Pendeta Cheong menyampaikan ajaran tentang 'Mengapakah hanya

Yesus Penyelamat kita' dengan tajuk khutbahnya 'Hidup Sejati dan Kekal'. Kehadiran bishop, pastor, pastor Seminari Teologi Antarabangsa Manmin Kisii dan wakil penduduk tempatan menambahkan kegembiraan dalam sambutan ulang tahun tersebut.

Seminar Pasangan Suami Isteri anjuran Misi Lelaki dan ibadat dedikasi oleh Misi Wanita

Pada 3 April, dengan anjuran Misi Lelaki, 27 pasangan mengadakan pertemuan dengan Pendeta Myongho Cheong (Foto 5)

Acara ini, yang diadakan untuk menyatukan pasangan suami isteri dan mencapai penginjilan rumah yang lengkap, telah dijalankan terlebih dahulu untuk keluarga yang si isteri kepada anggota Misi Lelaki menghadiri gereja lain, dan acara ini menjadi masa rahmat dan berkat

untuk bersatu dengan Manmin.

Selain itu, pada 24 April, suatu ibadat dedikasi diadakan oleh Misi Wanita dengan segenap hati, minda dan keikhlasan mereka (Foto 6). Anggota Misi Wanita mengucapkan kesyukuran dan memberi kemuliaan kepada Tuhan kerana membolehkan mereka diubah oleh injil kesucian dan karya Roh Kudus melalui sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) yang telah didoakan oleh Pastor Kanan.

'Kem Alkitab' Sekolah Minggu Kanak-kanak dan Pelajar

'Kem Alkitab' telah diadakan di Sekolah Minggu Kanak-kanak (Foto 7 dan 8) dari 12 hingga 13 April dan di Sekolah Minggu Pelajar (Foto 9 dan 10) pada 14 April. Kem tersebut mengandungi pelbagai program seperti Firman Tuhan dan pujian, seminar, perjumpaan doa Roh

Kudus, pendidikan budi bahasa, kuiz Alkitab dan pertunjukan bakat.

Terutamanya dalam 'Pertunjukan Bakat' Sekolah Minggu Kanak-kanak, Shanton Otieno memenangi hadiah utama dan telah menarik perhatian. Shanton menderita anemia yang memudaratkan sejak dia berusia tiga tahun. Dalam Perjumpaan Sapu Tangan yang diadakan pada setiap bulan, Shanton menerima doa sapu tangan kuasa daripada Pendeta Myongho Cheong dan sembuh sepenuhnya serta kesihatannya pulih.

Sementara itu, dalam 'Pertunjukan Bakat' Sekolah Minggu Pelajar, Gloira menerima hadiah utama untuk satu khutbah yang mengungkapkan rasa berterima kasih atas pelayanan Manmin dan ajaran Dr. Jaerock yang bertajuk, 'Pesanan Salib'.

Berita Gambar

Gereja Manmin Chungju Ulang tahun ke-23 dan ibadat dedikasi tempat suci



Pada 24 April, pukul 3:00 petang, Gereja Manmin Chungju mempersembahkan ibadat sambutan ulang tahun yang ke-23 dan ibadat dedikasi tempat suci bersama Pastor Miyoung Lee (Naib Presiden, Persatuan Pastor)

Gereja Manmin Chungju (Pastor Jaeyoung Park) mendedikasikan tempat suci itu dalam pimpinan Tuhan Bapa dan pengabdian anggota gereja, serta memberi kemuliaan kepada Tuhan dengan rasa syukur dan sukacita.





Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Ketentuan dalam Pokok yang Memberi Pengetahuan tentang yang Baik dan yang Jahat

“Kemudian TUHAN Allah menempatkan manusia itu di Taman Eden untuk mengusahakan serta memelihara taman itu. Allah berfirman kepada manusia itu, ‘Engkau boleh makan buah-buahan daripada semua pokok di taman ini, kecuali buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Engkau tidak boleh makan buah pokok itu; jika engkau memakannya, engkau pasti mati pada hari itu juga’” (Kejadian 2:15-17)

Orang yang tidak mengetahui ketentuan Tuhan yang mendalam dalam pemupukan manusia mungkin selalu bertanya, “Mengapakah Tuhan meletakkan pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat di dalam Taman Eden dan menempatkan manusia ke jalan menuju kebinasaan?”

Tuhan Yang Maha Kasih tidak meletakkan pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat di dalam taman itu dengan sengaja untuk membawa manusia ke jalan kematian. Oleh itu, untuk tujuan apakah Tuhan meletakkan pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat di dalam Taman Eden?

1. Berkah dan Amaran yang Diberi kepada Manusia Pertama, Adam

Walaupun pada masa penciptaan manusia pertama, Adam secara fizikalnya ialah manusia dewasa namun secara mental dia adalah seperti seorang bayi. Oleh itu, semasa dia berada di dalam Taman Eden, Adam perlu melalui proses memperoleh banyak pengetahuan rohani termasuklah perkara tentang Tuhan, alam rohani, kebenaran, kebaikan, cahaya dan sebagainya termasuklah pengetahuan yang diperlukannya untuk memerintah semua ciptaan. Selepas proses tersebut, sebagai penguasa segala ciptaan, Adam telah memperoleh kelayakan yang diperlukan untuk memerintah dan menguasai semua perkara.

Seperi firman Tuhan kepada Adam dalam Kejadian 1:28, “Hendaklah kamu mempunyai anak cucu yang banyak, supaya keturunan kamu menduduki seluruh muka bumi dan menguasainya,” manusia pertama melahirkan banyak anak dan justeru itu “mempunyai anak cucu yang banyak.” Sebagai tuan atas segala perkara, dia mempunyai autoriti yang luar biasa untuk tempoh yang lama. Namun begitu,

Tuhan memberikan manusia kehendak bebas dan melarangnya daripada melakukan satu perkara. Tuhan memerintahkannya untuk tidak memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Namun begitu, setelah sekian lama masa berlalu, Adam dan Hawa tidak dapat menyimpan perintah Tuhan dalam minda mereka dan akhirnya memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat.

2. Proses Dosa Memasuki Manusia

Kejadian 3:1 menghuraikan proses Adam, manusia pertama melakukan dosa.

Ular lebih licik berbanding dengan binatang-binatang lain yang diciptakan oleh Tuhan, dan menggoda Hawa. Sebab kebanyakan orang menganggap bahawa ular sangat buruk sekali pada hari ini adalah kerana ular membawa manusia kepada kematian. Oleh itu, mereka secara semula jadi membenci ular.

Di dalam Taman Eden sebelum godaan berlaku, tidak seperti pada hari ini, ular dahulunya kelihatan comel dan baik pada pandangan mata. Ular juga sangat licik sehingga dapat memenangi hati orang.

Pada suatu hari, ular bertanya kepada perempuan itu, “Benarkah Allah melarang kamu makan buah daripada sebarang pokok di taman ini?” Sebagai balasan jawapan, perempuan itu berkata kepada ular, “Kami boleh makan buah daripada setiap pokok di taman ini, “jawab perempuan itu, kecuali buah pokok yang ada di tengah-tengah taman. Allah melarang kami makan buah pokok itu ataupun menyentuhnya; jika kami berbuat demikian, kami akan mati.”

Tuhan dengan jelas berfirman “pasti mati”, tetapi Hawa memberitahu ular bahawa Tuhan berfirman “akan mati”. Dengan mengabaikan perintah Tuhan,

Hawa menambah malah mengubah firman Tuhan “pasti mati” kepada “akan mati”. Ular tahu jenis peluang yang ada, merebutnya lalu memberitahu Hawa, “Itu tidak benar; kamu tidak akan mati. Allah berfirman demikian kerana Dia tahu bahawa jika kamu makan buah itu, fikiran kamu akan terbuka, kamu akan menjadi seperti Allah dan mengetahui apa yang baik dan apa yang jahat.”

Apabila Hawa telah jatuh ke dalam godaan ular, nafsu badani, nafsu mata dan keangkuhan hidup telah dirangsangkan lalu buah daripada pokok itu kelihatan baik sebagai makanan dan menarik pada pandangan matanya. Hawa berakhir dengan memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat, malah juga memberi buah itu kepada Adam.

Berdasarkan hukum alam rohani yang menyatakan, “Kematian adalah upah dosa” (Roma 6:23), Firman Tuhan “Engkau pasti mati” diterapkan kepada manusia yang kini harus membayar bagi dosanya. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermaksud bahawa kehidupan Adam dan Hawa tamat dengan serta-merta selepas mereka memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat.

Apabila Tuhan berfirman, “Engkau pasti mati,” Dia merujuk bukan sahaja kematian fizikal tetapi juga kematian roh, tuan bagi manusia; iaitu pengakhiran komunikasi antara Tuhan dan Adam yang sama dengan “kematian roh Adam.” Selain itu, setiap keturunan Adam selepas dosanya menjadi orang yang berdosa dan tertakluk kepada kematian serta segala yang ada di bumi juga terkutuk (Kejadian 3:17).

Ular itu dikutuk dengan lebih teruk berbanding dengan semua makhluk yang lain. Tuhan berfirman kepada ular itu dalam Kejadian 3:14, “Mulai sekarang engkau akan menjalar dan makan debu seumur hidupmu.” Secara rohani, “ular” merujuk kepada Iblis manakala “debu” melambangkan manusia yang dibentuk daripada tanah.

Dalam erti kata lain, ular akan makan debu bermaksud Iblis akan menguasai dan mendatangkan cubaan, kesedihan dan penderitaan kepada manusia badani yang bergelumang dengan dosa. Itulah sebabnya orang yang telah jatuh di dalam dunia ini menderita pelbagai penderitaan yang ditimpakan ke atas mereka dengan autoriti Iblis.

3. Tujuan Tuhan Meletakkan Pokok yang Memberi Pengetahuan tentang yang Baik dan yang Jahat di dalam Taman Eden

Walaupun Tuhan telah tahu dengan lebih awal bahawa Adam akan memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat, Dia masih meletakkan pokok itu di situ kerana Tuhan masih mahu memberikan Adam kebahagiaan yang sejati.

Adam tidak pernah mengalami kesedihan ketika hidup di dalam Taman Eden. Akibatnya, Adam

tidak dapat merasakan dan mengalami kebahagiaan yang sejati. Agar sesiapa sahaja dapat menghargai nilai sebenar bagi sesuatu perkara, dia haruslah mengalami perkara yang bertentangan bagi “sesuatu” sebagai hal yang dipelajari melalui relativiti.

Sebagai contoh, sekiranya anda tidak pernah jatuh sakit sejak lahir, anda tidak dapat memahami dengan sepenuhnya betapa besar penderitaan dan kesedihan yang ditimbulkan oleh penyakit. Anda juga tidak dapat benar-benar menghargai kesihatan yang baik. Hanya orang yang pernah kelaparan dapat menghargai kelimpahan makanan, dan hanya apabila ada kejahatan dan kegelapan barulah orang akan benar-benar menghargai kebaikan dan cahaya.

Tanpa menyaksikan kematian di Taman Eden yang tiada kesedihan, Adam tidak dapat memahami Tuhan apabila Tuhan berfirman bahawa dia akan mati jika dia memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Ketika dia mengalami seksaan dan kesedihan yang berkaitan dengan kelaparan, kesejukan, kepanasan, kematian, perpisahan, dosa dan kejahatan dalam dunia yang terkutuk ini, Adam akhirnya dapat menyedari betapa gembira dan bahagia kehidupannya dahulu di dalam Taman Eden.

Tidak kira betapa berlimpahnya kehidupan seseorang, melainkan dia mengetahui kebahagiaan sejati dalam hidupnya, siapakah yang dapat berkata bahawa dia menjalani kehidupan yang bermakna? Kehidupan yang benar-benar berbaloi ialah jenis kehidupan yang seseorang berasa bahagia walaupun dia perlu menderita seketika. Itulah sebabnya Tuhan meletakkan pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Hal ini demikian untuk membolehkan manusia mengenali dan memahami relativiti dengan mengalami kesedihan dan penderitaan.

Dengan kehendak bebasnya, Adam memakan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Akibat daripada dosanya, manusia hidup di tengah-tengah penderitaan yang berpunca daripada kesejukan, kepanasan, kemiskinan, kelaparan, perpisahan, kematian dan sebagainya. Apabila kita memasuki Syurga selepas mempelajari relativiti ini dan menjalani pemupukan manusia, kita akan menyedari betapa indahnya kehidupan di Syurga, mengucap syukur kepada Tuhan dari hati, dan hidup dalam kebahagiaan dan kegembiraan yang kekal.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, Tuhan meletakkan pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat pada tempatnya, Dia telah memupuk manusia dan menyediakan jalan untuk semua manusia, orang yang berdosa, untuk menerima keselamatan. Seperti yang dinyatakan dalam 2 Korintus 4:17, “Kesusahan yang kami alami ini hanya untuk sementara dan tidak seberapa banyak, tetapi akan mendatangkan

kemuliaan yang luar biasa dan kekal. Kemuliaan itu jauh lebih besar jika dibandingkan dengan kesusahan itu,” walaupun kita menghadapi kesedihan dan kesengsaraan seketika di dunia ini, kita akan menikmati “kemuliaan yang luar biasa dan kekal” di dalam Syurga yang mulianya tidak terkata.

Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda dapat memahami jalan keselamatan, memperoleh kegembiraan dan kebahagiaan keselamatan, dan akhirnya hidup di dalam Syurga yang kekal.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

www.manminnews.com

E-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

“Saya sembuh sepenuhnya daripada lumpuh muka.”

Diaken Jungsoon Park (Usia 71, Paroki ke-19)



Pada bulan November 2021, saya tiba-tiba mengalami lumpuh muka. Hal ini menyebabkan muka saya berkerut dan sukar untuk saya makan sesuatu. Saya dapat menutup muka saya dengan pelitup muka tetapi saya berat hati untuk berjumpa dengan orang, jadi saya secara beransur-ansur mengelak orang.

Saya memandu kenderaan sekolah, dan saya takut saya tidak dapat bekerja. Oleh itu, saya dengan segera berjumpa doktor dan mendapatkan rawatan. Keadaan menjadi lebih baik tetapi selepas beberapa lama lumpuh muka berulang.

Apabila gejala lumpuh muka muncul pada kali ini, saya bergegas ke hospital. Doktor mengesyorkan pembedahan. Saya berkata bahawa saya tidak akan menerima pembedahan sebaliknya menerima rawatan ubat. Namun begitu, keadaan tidak bertambah baik malah gejala lumpuh muka menjadi semakin teruk.

Akhirnya, dengan keinginan untuk disembuhkan oleh Tuhan dengan sepenuhnya, saya bersedia untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Mac dengan iman. Ketika berdoa dalam perjumpaan doa nazar Daniel, saya bertaubat

daripada kurangnya iman saya dan bergantung kepada hospital dan ubat-ubatan terlebih dahulu kerana takut kehilangan pekerjaan saya akibat penyakit itu walaupun saya telah menyaksikan banyak karya kuasa. Selain itu, saya juga bertaubat daripada membenci suami saya walaupun untuk hal yang kecil, dan tidak memperhatikan balak di dalam mata saya sebaliknya memperhatikan selumbar di dalam mata orang lain.

Saya mentaati dan menyelesaikan projek pertumbuhan rohani gereja seperti ‘Bacaan Buku Senior Pastor’ dan ‘Bacaan Alkitab’ tetapi saya tidak dapat berdoa dengan sungguh-sungguh dalam Perjumpaan Doa Daniel kerana kerja saya belum selesai sehinggalah pukul 11:00 malam.

Walau bagaimanapun, saya melakukan sebaik yang mungkin untuk berdoa sungguh-sungguh dengan menyertai Perjumpaan Doa Nazar Daniel dan perjumpaan doa atas talian untuk orang yang sakit yang diadakan pada bulan Mac sebelum Perjumpaan Kesembuhan Ilahi. Saya bertaubat kerana saya tidak dapat berdoa dengan hati saya tetapi berdoa dengan fikiran yang sia-sia. Selain itu, saya sangat bersyukur

kerana orang yang miskin seperti saya bertemu Manmin, mendengar injil kesucian melalui Pastor Kanan, menyedari kasih Tuhan Yesus, dan dipimpin ke jalan yang benar untuk hidup sebagai anak Tuhan.

Pada pukul 11:00 malam pada 25 Mac, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi melalui GCN, dan saya berasa tersentuh hati oleh rahmat dan kasih Tuhan serta dipenuhi rasa kesyukuran sepanjang masa.

Apabila Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan berdoa untuk orang sakit, saya menerima doa dengan hati yang sungguh-sungguh. Pada hari keesokannya, kelumpuhan pada muka saya mulai longgar secara beransur-ansur dan hilang sepenuhnya selepas beberapa hari. Haleluyah!

Sekarang, saya tidak berasa takut untuk bertemu dengan sesiapa. Saya hanya berasa gembira. Selain itu, melalui kesempatan ini, saya dapat memahami suami saya dan kasih saya bertambah.

Saya memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan, Bapa yang baik yang memberikan saya kasih, damai, kesihatan dan kegembiraan dalam hidup saya.

SOROTAN KHAS

Dalam Sambutan Bulan Keluarga, acara Hari Kanak-kanak dan Hari Ibu Bapa telah diadakan.



Sekolah Minggu Kanak-kanak mengadakan 'Acara Hari Minggu Kanak-kanak 2022' melalui GCN dan YouTube untuk menyambut Hari Minggu Kanak-kanak pada pukul 1:00 petang pada 1 Mei.

Selepas doa wakil oleh Sion Choi, dan bacaan ayat Alkitab oleh Sungkyung Kang, Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan menyampaikan khutbah yang bertajuk, "Anak yang Taat" (2 Korintus 1:19).

Pastor Mikyung Lee, Pengerusi Persatuan Pastor dan Diaken Jinhee Gong, ketua penyokong Sekolah Minggu Kanak-kanak menyampaikan ucapan tahniah. Selepas itu, pasukan persembahan Sekolah Minggu mempersembahkan pujian khas, dan gambar-gambar Pertandingan Menghias Telur Easter serta pelbagai acara dan aktiviti lain setakat ini telah diperkenalkan.

Sekolah Minggu Kanak-kanak meneruskan aktiviti Hari Minggu secara atas talian melalui GCN dan YouTube pada pukul 1:00 petang.

Persatuan Diaken Kanan Wanita mengadakan Acara Sambutan Hari Ibu Bapa pada 3, 4 dan 6 Mei untuk anggota Manmin yang berusia melebihi 70 tahun.

Acara ini berlangsung dengan dipengerusikan oleh Diaken Kanan Geumsun Vin dan selepas video ucapan oleh Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, terdapat persembahan Ukulele (oleh Diaken Kanan Eunhee Kim dan 5 anggota) dan Tarian untuk Kesihatan (oleh Diaken Kanan Jinhee Kim dan 2 anggota) yang memberikan mereka masa yang gembira dan bahagia.

Selepas itu, mereka mempunyai masa yang bermakna dalam Tuhan Yesus, dengan menonton penyertaan Pertandingan Menghias Telur Easter dan mengambil gambar kenangan.

“Pada saat bus terjunam 2 meter ke bawah, seolah-olah seseorang memeluk dan menyambut saya.”

Alberto Bravo Castro (Usia 56, Gereja Manmin Colombia)



Saya tinggal di kawasan yang terpencil, jadi saya mengikuti ibadah Gereja Manmin Colombia secara atas talian. Tidak berapa lama dahulu, saya mengalami karya Tuhan yang menakjubkan. Saya

dilindungi sepenuhnya daripada kemalangan bus yang jatuh 2 meter ke bawah lalu terbalik.

Pada 20 Mac, saya menaiki bus dari Barranquilla ke Mompox. Bus itu bertolak kira-kira pukul 11:00 malam dan kemalangan itu berlaku 30 km dari Mompox.

Kemudian didedahkan bahawa pemandu bus itu mengalami serangan jantung mengejut lalu bus itu terbabas dari jalan dan terbalik dengan jatuh 2 meter ke bawah. Daripada 32 orang penumpang, 6 orang terbunuh, 10 orang cedera parah dan penumpang yang lain turut cedera. Kemalangan itu dilaporkan sebagai berita utama dalam akhbar harian Colombia dan badan penyiaran awam.

Saya selalu membawa sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 9:11-12) yang didoakan oleh Pastor Kanan. Begitu juga pada hari itu.


Ketika kemalangan itu berlaku, saya berdoa kepada Tuhan lalu bus itu terjatuh 2 meter ke bawah. Namun begitu, pada ketika itu terasa seolah-olah seseorang memeluk dan menyambut saya sehingga tiada impak kemalangan ke atas

diri saya.

Saya memeriksa badan saya sejeurus selepas kemalangan, tiada kecederaan pada badan saya. Orang yang duduk di sebelah saya mengalami kecederaan serius pada lengannya akibat impak kemalangan tersebut tetapi saya tidak menghadapi apa-apa masalah.

Masa itu merupakan masa untuk menyedari betapa mendebarkan untuk dilindungi oleh Tuhan Bapa, dan memahat kasih itu dalam hati saya sekali lagi.

Saya memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa kerana melindungi saya daripada kemalangan besar yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa saya. Saya juga berterima kasih kepada semua keluarga Manmin yang sentiasa mendoakan kami.



Sumber: Harian Colombia, “El Colombiano”



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241
www.urinbooks.com
urinbook@hotmail.com